

# SIARAN MEDIA

3 Mei 2014

## **UNTUK SIARAN SEGERA**

# KUIZ CELIK SIBER DIDIK PELAJAR SEKOLAH MEMPERKASAKAN DIRI HADAPI ANCAMAN KESELAMATAN SIBER

*Satu program kerjasama bestari di antara CyberSecurity Malaysia dan Majalah ASUH untuk beri pendidikan dan pendedahan awal tentang keselamatan siber dalam kalangan pelajar sekolah di Malaysia*

**(KUALA LUMPUR : 3 MEI 2014)** - CyberSecurity Malaysia, iaitu agensi pakar keselamatan siber Negara di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Galeri Ilmu Sdn Bhd, melalui Majalah ASUH hari ini melancarkan **Kuiz Celik CyberSAFE - ASUH**. Pelancaran Kuiz diadakan sempena Pesta Buku Antarabangsa Kali yang ke-33 dan berlangsung pada hari Sabtu, 3 Mei 2014. Majlis Pelancaran Kuiz Celik CyberSAFE – ASUH telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Menurut Y.B. Datuk Dr. Abu Bakar bin Mohamad Diah, negara kini sedang melalui satu era digital di mana Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) berkembang dengan begitu pesat dan dinamik sekali, dan penggunaan Internet serta gajet berteknologi tinggi telah menjadi sebahagian dari kehidupan seharian masyarakat Malaysia.

Tambah beliau lagi, penggunaan Internet telah mendedahkan negara dan masyarakat kepada pelbagai jenis ancaman siber. Seandainya, ancaman siber ini tidak dibendung dan masyarakat pula tidak diberi pendidikan mengenai keselamatan siber, ia mampu mengancam keselamatan serta memporakperandakan keamanan serta kesejahteraan Negara.

Pelbagai usaha serta inisiatif telah dibangunkan oleh Kerajaan bagi memastikan kesejahteraan dan keamanan siber di Malaysia, antaranya program Capaian atau *Outreach* CyberSAFE (Cyber Security Awareness For Everyone) yang telah diwujudkan melalui CyberSecurity Malaysia.



*Corporate Office:*  
Level 5, Sapura@Mines  
No 7, Jalan Tasik  
The Mines Resort City  
43300 Seri Kembangan  
Selangor Darul Ehsan  
Malaysia.

Sementara itu, Dr. Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif, CyberSecurity Malaysia berkata “Program CyberSAFE merangkumi aspek pendidikan mengenai keselamatan siber bertujuan untuk memupuk kesedaran orang ramai akan tatacara penggunaan Internet dengan lebih beretika, membudayakan keselamatan siber sebagai sebahagian dari gaya hidup dan dalam masa yang sama mendorong penggunaan teknologi serta Internet secara positif.”

“Dengan adanya kuiz keselamatan siber di Majalah ASUH, ia akan dapat membantu lebih ramai pelajar sekolah untuk mempelajari cara-cara mengenali dan mengatasi ancaman siber dan masalah disebabkan gangguan atau ancaman keselamatan yang berlaku melalui Internet.” Ujar Dr. Amirudin lagi.

Kuiz Celik CyberSAFE - ASUH diadakan pada setiap bulan (selama 12 keluaran) bermula dari April 2014 sehingga Mac 2015. Pembaca hanya perlu menjawab dua (2) soalan kuiz bulanan berdasarkan artikel yang ditulis oleh kakitangan CyberSecurity Malaysia dan diterbitkan melalui Majalah ASUH mengenai keselamatan siber, tatacara serta etika penggunaan internet secara positif.

Terdapat lima (5) pemenang kuiz bulanan, manakala para pembaca Majalah ASUH juga berpeluang untuk memenangi hadiah bagi kategori kuiz terkumpul yang diterbitkan pada setiap suku tahun. Seramai 15 orang pemenang akan dipilih untuk memenangi kuiz terkumpul, di mana hadiah yang lebih menarik menanti para pemenang (senarai hadiah dilampirkan).

Maklumat mengenai keselamatan siber boleh didapati melalui laman web CyberSecurity Malaysia [www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my). Selain Kuiz, terdapat juga penerbitan artikel, mesej-mesej serta tips berkaitan keselamatan siber di dalam Majalah ASUH bermula dari April 2014 sehingga Mac 2015.

~ Tamat ~

---

Untuk pertanyaan tentang dokumen ini, sila hubungi +603-89926888, Mohd Shamil Mohd Yusoff (ext: 6978), atau Sandra Isnaji (ext: 6977), atau e-mel [media@cybersecurity.my](mailto:media@cybersecurity.my)

Laman Web: [www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)  
Laman Sosial (Facebook): [www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia](https://www.facebook.com/CyberSecurityMalaysia)  
(Twitter): [www.twitter.com/cybersecuritymy](https://www.twitter.com/cybersecuritymy)  
(YouTube): [www.youtube.com/cybersecuritymy](https://www.youtube.com/cybersecuritymy)

## **Mengenai CyberSecurity Malaysia**

CyberSecurity Malaysia ([www.cybersecurity.my](http://www.cybersecurity.my)) adalah pusat pakar keselamatan siber negara dan berfungsi sebagai agensi yang bertanggungjawab memelihara aspek e-Keselamatan nasional.

Sebelum ini dikenali sebagai Pusat Keselamatan dan Tindak Balas Kecemasan ICT Kebangsaan (NISER), CyberSecurity Malaysia menjadi sebuah agensi di bawah kawal selia Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) ([www.mosti.gov.my](http://www.mosti.gov.my)) sejak tahun 2005.

Pada dasarnya, peranan CyberSecurity Malaysia adalah untuk menyediakan perkhidmatan khusus dalam bidang keselamatan siber, seperti berikut:

- Tindak balas kecemasan keselamatan siber, pengendalian insiden, dan forensik digital.
- Pengurusan kualiti keselamatan siber.
- Pembangunan keupayaan dan kapasiti keselamatan siber.
- Capaian (outreach) dan pembudayaan keselamatan siber.
- Penyelidikan dan pemantauan (assessment) risiko keselamatan siber.
- Penilaian (evaluation) dan pensijilan keselamatan siber.